

Buletin

PADAT

PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN NEGERI SELANGOR



ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR TUNGGAK PERADABAN NEGERI | BIL. 2 JULAI - DISEMBER 2014 | www.padat.gov.my



6

KEJOHANAN BOLA SEPAK
9 SEBELAH (6 PENJURU)
SEMPENA SAMBUTAN
25 TAHUN MUZIUM
SULTAN ALAM SHAH

7

SEMINAR KESULTANAN
SELANGOR DALAM
ARUS SEJARAH
MALAYSIA

8

SEMINAR PANTANG
LARANG MASYARAKAT
DI SELANGOR

Dari Meja Ketua Editor



ABDULLAH ANAS BIN ABU BAKAR
Ketua Editor,
Perbadanan Adat Melayu dan
Warisan Negeri Selangor (PADAT)

Alhamdulillah...

Bersua kembali dalam edisi kedua Buletin PADAT bagi tahun 2014. Terlebih dahulu, bersyukur saya kehadiran ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. dan setinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan saya untuk merakamkan sepatah dua kata dalam edisi kali ini.

Buletin ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan informasi kepada masyarakat serta semua warga PADAT berkaitan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Julai sehingga Disember 2014. Pada tanggal 2 September 2014 genaplah Muzium Sultan Alam Shah (MSAS) meraikan sambutan Jubli Perak. Justeru, sempena sambutan 25 tahun MSAS ini, pelbagai program telah diadakan bagi meraikan hari bersejarah ini.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua pasukan Editorial Buletin PADAT edisi 2/2014 dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan pada kali ini. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal terjalin pada masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap segala program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 akan membuahkan hasil yang lebih gemilang selaras dengan visi PADAT "Kearah Menjadikan Selangor Pusat Unggul Serantau dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri".

SIDANG REDAKSI

Penaung

YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
Pengerusi PADAT

Ketua Editor

Abdullah Anas bin Abu Bakar

Editor

Aznizah binti Kamisan

Fotografi

Ali Imran bin Mohd Raus
Reeza Radzi bin Rosnan

Edaran

Farhani binti Shamsudin
Rafidah bin Rahmat

Terbitan

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
d/a Muzium Sultan Alam Shah
Persiaran Bandaraya
40000 Shah Alam, Selangor

Tel

03-5519 0050/03-5519 7604/ 03-5510 3190/03-5510 3220

Faks

03-5510 1799

Website

www.padat.gov.my

Emel

info@padat.gov.my

Rekabentuk / Percetakan

Giga Wise Network Sdn. Bhd.
www.gigaprint2u.com.my

Buletin PADAT diterbitkan dan diedarkan dua kali setahun. Sebarang pendapat dan fikiran yang tersiar di dalam Buletin PADAT tidak semestinya mencerminkan pendapat dan fikiran pengurusan PADAT. Kandungan yang diterbitkan boleh disiarkan semula dengan izin Ketua Editor Buletin PADAT. Sidang Redaksi mengutamakan berita dan rencana daripada kakitangan jabatan. Sidang redaksi juga berhak menyunting bahan – bahan berkenaan.

ANDA MAHU MENYUMBANG ARTIKEL UNTUK JURNAL SERI ALAM?

Sumbangan penulisan artikel Jurnal Seri Alam adalah terbuka kepada penulis dari dalam atau luar PADAT dan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris. PADAT sedia menerima sebarang artikel yang berkaitan sejarah, kesenian, kebudayaan, ekonomi, arkeologi, bahasa, pendidikan, ilmu kejadian dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan Alam Melayu khususnya negeri Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut sila layari

www.padat.gov.my



AKTIVITI SEPANJANG BULAN JULAI-DISEMBER 2014

JULAI
OGOS
SEPTEMBER
OKTOBER
NOVEMBER
DISEMBER

Majlis Berbuka Puasa, Solat Tarawikh dan Program Mengacau Dodol
18 Julai 2014

Program Tadarus & Majlis Khatam Al-Quran
18 Julai 2014

Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014
14 Ogos 2014

Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia
30 Ogos 2014

Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat Sempena 25 Tahun MSAS
2 September 2014

Pameran Khas 25 Tahun Muzium Sultan Alam Shah
2 September 2014

Program Citarasa Malaysia Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014
12 - 14 September 2014

Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah (6 Penjuru) Sempena Sambutan 25 Tahun Muzium Sultan Alam Shah
11 Oktober 2014

Lawatan Kerja Rasmi ke Muzium-Muzium Pantai Timur
13 - 17 Oktober 2014

Lawatan Kerja Rasmi ke Muzium-Muzium di Negeri Johor
20 - 22 Oktober 2014

World Travel Market 2014, London
4 - 7 November 2014

Seminar Kesultanan Selangor dalam Arus Sejarah Malaysia
18 November 2014

Hari Keluarga PADAT
8 - 9 November 2014

Seminar Pantang Larang Masyarakat di Selangor
26 - 27 November 2014

Smart Khalifah
1 - 10 Disember 2014

Majlis Jamuan Teh Diraja Bersama Pesara Kerajaan dan Majlis Jamuan Teh Sempena Hari Keputeraan D.Y.M.M Sultan Selangor ke-69
7 & 11 Disember 2014

Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2015
15 - 16 Disember 2014

2 SEPTEMBER 2014
DEWAN RAJA LUMU
MUZIUM SULTAN ALAM SHAH

Suasana di sepanjang majlis.


MAJLIS BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MUZIUM SULTAN ALAM SHAH

OLEH : MOHAMMAD NABIL BIN ABU NAIM

Majlis Bacaan Yassin dan doa selamat sempena Sambutan 25 Tahun Muzium Sultan Alam Shah telah diadakan pada 2 September 2014 (Selasa) bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah. Para pelajar dari Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Shah Alam pimpinan YBhg. Tuan Haji Mohammad Bokhari bin Sharif telah turut dijemput bersama-sama dalam majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan solat dhuha, solat hajat, bacaan yassin dan tahlil yang diketuai oleh Ustaz Ahmad Bushra bin Mohamad Saleh, Guru Tahfiz, Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Shah. Taklimat ringkas berkenaan sejarah penubuhan Muzium Sultan Alam Shah turut disampaikan oleh Mohamad Aris Haji Sahid (Kurator Kanan).

Di samping itu, terdapat sedikit sumbangan dari Kelab Rekreasi dan Kebajikan, Lembaga Muzium Selangor kepada Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Shah Alam yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr Abdullah Zakaria Bin Ghazali selaku Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.



Penyampaian sumbangan kepada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Shah Alam.



PAMERAN KHAS 25 TAHUN MUZIUM SULTAN ALAM SHAH

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD / ASRUDDIN BIN SELAMAT

Sempena sambutan 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah (MSAS) yang disambut pada 2 September 2014 lalu, PADAT telah mengadakan satu pameran khas sempena 25 tahun MSAS di ruangan lobi muzium.

Pameran tersebut mempamerkan sejarah awal penubuhan MSAS ketika di bawah Lembaga Muzium Selangor (LMS) sehingga di bawah pentadbiran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Terdapat pelbagai koleksi yang menarik antaranya koleksi yang digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa majlis perasmian Muzium Sultan Alam Shah. Terdapat juga koleksi penerbitan yang telah berjaya dihasilkan dan juga sebahagian koleksi pencapaian yang telah diperolehi sepanjang tempoh 25 tahun muzium. Selain itu,

pengunjung dapat menyaksikan hasil jumpaan arkeologi seperti mata wang Sultan Ibrahim dan batu Nisan Aceh yang dijumpai oleh pihak PADAT.

Dengan adanya pameran khas 25 tahun ini, ia dapat memberi maklumat kepada pengunjung secara ringkas berkaitan dengan pencapaian yang telah dikecapi oleh pihak muzium dan dapat mengimbuai kembali segala perit jerih yang telah diharungi sepanjang tempoh 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah.

Watikah Perasmian Muzium Sultan Alam Shah yang ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor antara koleksi menarik yang dipamerkan pada pameran ini.

Foto-foto lama yang dipamerkan sepanjang penglibatan 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah.

Antara sebahagian pencapaian yang telah diperolehi sepanjang tempoh 25 tahun MSAS.

Panel grafik yang menceritakan sejarah pembukaan Muzium Sultan Alam Shah.

Aktiviti PADAT

KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH (6 PENJURU) SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MUZIUM SULTAN ALAM SHAH

OLEH: MOHAMAD NOR BIN SAPAR

Sempena sambutan 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah yang bermula pada 2 September 2014 hingga 2 September 2015, satu kejohanan bola sepak diadakan bertempat di Padang Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam, di belakang bangunan Muzium Sultan Alam Shah. Ianya telah diadakan pada 11 Oktober 2014 dan sepak mula yang merupakan gimik perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Puan Hajah Azlinda binti Azman.

Perlawanan berlangsung seawal jam 9 pagi hingga ke jam 4.30 petang. Keputusan bagi Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah (6 penjuru) ini berpihak kepada Lembaga Muzium Negeri Kedah yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM 525, piala kejohanan dan medal. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan JMM F.C. yang membawa pulang RM 425 beserta medal. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu yang membawa pulang wang tunai RM 325 beserta medal. Pasukan tuan rumah iaitu PADAT F.C. mendapat tempat keempat dengan membawa pulang RM 225 beserta medal.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Shafie Bin Abu Bakar, Timbalan Pengerusi PADAT. Jutaan terima kasih juga buat semua urusetia yang terlibat dalam menjayakan Kejohanan Bola sepak 9 Sebelah ini.



Barisan benteng pertahanan PADAT.



Aksi yang sempat dirakam oleh lensa kamera



Juara berpihak kepada Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Antara skill yang ditonjolkan oleh pemain.

SEMINAR KESULTANAN SELANGOR DALAM ARUS SEJARAH MALAYSIA

Aktiviti PADAT

OLEH : ROHAYU BINTI MOHD YUNUS

YB. Tuan Dr. Haji Ahmad Yunus menyampaikan ucapan perasmian seminar.

Pada 19 dan 20 Jun 2012 yang lalu, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri (PADAT) telah bekerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor bagi menganjurkan Seminar Kesultanan Selangor dalam Arus Sejarah Malaysia. Majlis ini diadakan pada 18 November 2014 yang bertempat di Auditorium, Muzium Sultan Alam Shah. Fokus seminar kali ini ialah untuk mengupas kajian baru yang telah dijalankan oleh pakar sejarah selain membicarakan mengenai Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Seramai lima orang pemakalah terdiri daripada YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, YBhg. Dr. Mardiana Nordin, YBhg. Dr. Sufian Sabtu dari Universiti Malaya, YB. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, Encik Abdul Rahman Mohd Amin dari Universiti Petronas, Trolak, Perak dan YM Tengku Aman Shah bin Tengku Akram Shah yang berkongsi koleksi gambar-gambar Kesultanan Selangor milik beliau.

Seminar telah dirasmikan oleh YB. Tuan Dr. Haji Ahmad Yunus Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi yang turut disertai lebih daripada 250 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan selain daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi dan individu. Rata-rata peserta yang hadir menyokong aktiviti yang diadakan oleh PADAT dan berharap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



YB. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman menjelaskan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor.



Pendaftaran peserta mengikut agensi.

Sebahagian peserta yang hadir memakai pakaian tradisional yang melambangkan zaman Kesultanan Melayu.

SEMINAR PANTANG LARANG MASYARAKAT DI SELANGOR

OLEH: ABDULLAH ANAS BIN ABU BAKAR



Prof Dato' Yaacob Harun semasa sesi pembentangan kertas kerja sesi pertama.



Ucapan daripada YBhg. Datuk Dr. Zainal Kling bertajuk "Tafsiran Pantang Larang dan Petua"



Ucapan Perasmian oleh YB. Pengerusi PADAT.

Program Seminar Pantang Larang Masyarakat di Selangor telah diadakan pada 26 hingga 27 November 2014 yang bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Dr. Hj. Ahmad Yunus B. Hairi selaku pengerusi PADAT merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Program seminar ini telah berjaya menarik penyertaan seramai hampir 60 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Objektif seminar ini adalah untuk mengabadikan sumbangan penting kepelbagaian kaum di Selangor dalam memperkayakan warisan, sejarah, seni budaya, sistem sosial, terutamanya perkara berkaitan pantang larang setiap kaum agar rasa hormat-menghormati antara kaum dapat diperkasakan dalam masyarakat. Seminar ini juga menumpukan perhatian kepada impak amalan dan kepercayaan pantang larang khususnya oleh masyarakat Melayu dari perspektif agama Islam. Program ini telah dijayakan dengan menjemput beberapa tenaga pakar dikalangan ahli akademik bagi membenteng kertas seminar yang berkaitan pantang larang bagi masyarakat Cina, India, Melayu (Bugis, Jawa dan Banjar) Sikh dan Orang Asli. Ucapan seminar ini telah membicarakan mengenai 'Tafsiran Pantang Larang dan Petua' oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Zainal B. Kling dan diakhiri dengan pembentangan kertas bertajuk 'Pantang Larang dan Petua dari Perspektif Islam' oleh YBhg. Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Tamyas b. Abd. Wahid, Mufti Selangor.



Antara tetamu yang hadir semasa seminar tersebut.



Persembahan yang menggambarkan keharmonian dan perpaduan di negeri Selangor.

MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA

OLEH : KALSOM BINTI SAMAD

Pada hari Sabtu 30 Ogos 2014, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama agensi kerajaan di bawah kelolaan Tourism Selangor Sdn Bhd termasuk Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah menganjurkan persembahan kesenian sempena majlis sambutan bulan kemerdekaan dan Hari Malaysia peringkat negeri Selangor yang diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Sambutan ini diadakan sekali dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri tahun 2014. Puan gendang mengiringi ketibaan YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim, Menteri Besar Selangor. Persembahan tarian seterusnya mempunyai makna tersirat sebagai lambang keharmonian dan perpaduan rakyat Selangor. Tema majlis sambutan kemerdekaan Ke-57 peringkat negeri Selangor pada tahun 2014 adalah "Selangor Sejahtera Rakyat Terbela."

Antara aktiviti yang berlangsung ialah persembahan seni mempertahankan diri termasuk pertubuhan seni Silat Lincah Malaysia, Kelab Wushu dan Persatuan Silambam. Seterusnya, Kumpulan Kesenian PADAT mempersembahkan tarian yang berkonsepkan perpaduan nasional. Hari kemerdekaan adalah tidak lengkap tanpa acara perarakan masuk kontinjen-kontinjen yang terdiri daripada sekolah-sekolah, intitusi pengajian tinggi dan badan kerajaan menuju ke kawasan padang. Acara gilang-gemilang ini digamatkan lagi dengan persembahan pancaragam sekolah, seterusnya bacaan ikrar Rukun Negara dan laungan kemerdekaan sebanyak tujuh kali. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu "Tanggal 31 Ogos" oleh para hadirin.



Persembahan seni mempertahankan diri silambam.



Persembahan seni mempertahankan diri wushu.



PROGRAM CITARASA MALAYSIA SEMPENA TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014

OLEH: SITI SYABANA BINTI MOHD YUSOP

Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Melaka telah menganjurkan Program Citarasa Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 pada 12-14 September 2014 yang bertempat di sepanjang Jalan Kota, Kompleks Warisan Melaka. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai masakan dari seluruh Malaysia selaras dengan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak UNESCO selain daripada merapatkan hubungan antara PERZIM dan muzium-muzium lain serta jabatan yang terlibat dalam program ini. Pihak jabatan telah menghantar wakil seramai tujuh orang dengan menghadirkan menu tradisi masyarakat Jawa seperti kuih naga sari, kuih khetewel, kuih kacang, kuih torak, sambal taun, kacang tolo, sambal goreng Jawa, bubur sum-sum, pecal dan mi Jawa. Semua menu tersebut mendapat sambutan dari orang ramai terutama pelancong luar negara.



YB Datuk Hajah Norpipah bt Abdol, Timbalan Exco Pembangunan Belia dan Warisan Negeri Melaka mencuba hidangan.



Chef Selebriti, Dato Chef Wan dan Jaafar Onn turut memeriahkan program.



← Masakan Mi Jawa dihidangkan kepada pengunjung.



Merebus ubi sebagai gimik Perasmian Citarasa Malaysia.

Reka bentuk rumah lama di Muzium Kelantan antara sebahagian pengisian di ruang pameran.

LAWATAN KERJA RASMI KE MUZIUM-MUZIUM PANTAI TIMUR

OLEH: INTAN HAZNA BINTI ABDULLAH

Sekalung penghargaan kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), khususnya kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Hajah Azlinda binti Azman kerana memberi peluang kepada Bahagian Pemuziuman meneruskan sasaran kerja tahunan (SKT 2014) untuk program lawatan kerja rasmi ke muzium-muzium pantai timur. Lawatan tersebut bermula hari Isnin hingga Jumaat pada 13 Oktober hingga 17 Oktober 2014.

Seramai lapan orang kakitangan telah terlibat menyertai lawatan tersebut yang diketuai oleh Encik Rizal bin Mohamad Janah, Kurator Unit Muzium Sultan Alam Shah. Objektif utama adalah mengenal pasti peragaan, aktiviti pendidikan, menaik taraf balai pameran, pengurusan koleksi dan makmal serta penyelenggaraan muzium-muzium di samping berkongsi idea. Negeri pertama dilawati ialah muzium di negeri Kelantan, iaitu Muzium Negeri, Muzium Perang, Muzium Adat Istiadat Kelantan, Muzium Senjata dan Muzium Wau.

Seterusnya, lawatan ke muzium di negeri Terengganu iaitu Muzium Negeri Terengganu, disusuli Kraf Noor Arfa, kilang Desa Murni Batik, Wanisma Kraf dan Tamadun Islam. Destinasi terakhir pula ialah di negeri Pahang iaitu Muzium Sultan Abu Bakar, Muzium Sungai Lembang dan lombong bawah tanah.

Hasilnya, kami mengetahui perbezaan memperagakan pameran dan mempelajari cara membezakan kraftangan yang dihasilkan melalui kaedah tradisional dan moden seperti batik dan tembaga.



Bergambar kenangan di pintu masuk Muzium Terengganu sebelum berangkat pulang.



Susun atur wau-wau yang dipamerkan secara terbuka kepada pengunjung.



Pelajar Kolej Tengku Mizan di Noor Arfa kraf mencanting batik secara tradisional.

Lawatan Kerja Rasmi KE MUZIUM-MUZIUM DI NEGERI JOHOR

OLEH: MOHD. ASRUDDIN BIN SELAMAT



Bergambar kenangan bersama YBhg. Prof Dato' Paiman bin Keromo, Pengarah Muzium DiRaja Abu Bakar.



Lawatan ke Jabatan Pertanian (Muzium Nanas), teknik membuat tali daripada daun nanas.



Persembahan zapin daripada Yayasan Warisan Johor.

Bahagian Permuziuman PADAT telah menganjurkan satu lawatan kerja rasmi ke negeri Johor untuk melawat muzium pada 20 – 22 Oktober 2014. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Permuziuman iaitu Encik Mohamad Aris bin Haji Sahid dan disertai oleh 30 orang staf yang terdiri daripada Pembantu Muzium dari pelbagai bahagian dan unit di PADAT.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada peserta berkaitan teknik-teknik peragaan terkini, penggunaan teknologi media, sistem pengurusan koleksi, pengurusan konservasi dan juga pengurusan muzium yang boleh diaplikasikan oleh staf di PADAT. Selain itu, aktiviti seperti ini dapat mewujudkan hubungan kerjasama dan hubungan dua hala antara PADAT dan muzium di sekitar negeri Johor. Selain daripada dapat menjalankan hubungan kerjasama dengan muzium, PADAT juga dapat menjalinkan hubungan dengan Yayasan Warisan Johor, khususnya dalam bidang permuziuman dan juga pengurusan kumpulan kesenian. Antara muzium-muzium yang dilawati ialah Muzium Bugis, Muzium Nanas di Pontian, Yayasan Warisan Johor, Bangunan Sultan Ibrahim, Muzium DiRaja Abu Bakar yang terletak di Johor Bahru dan juga Muzium Kota Johor Lama di Kota Tinggi. Di samping itu, peserta juga berpeluang mendengar taklimat dan ceramah ringkas yang bertajuk Transformasi Muzium ke Arah Pelaksanaan Strategi Lautan Biru yang disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Paiman bin Keromo, Pengarah Muzium DiRaja Abu Bakar.

Seharusnya, program seperti ini hendaklah diteruskan pada masa akan datang. Hal ini kerana, dapat memberi manfaat yang berguna kepada staf PADAT dan sekali gus dapat memberi impak yang baik kepada pembangunan muzium di negeri Selangor. Penghargaan terima kasih kepada pihak muzium yang terlibat kerana telah memberi layanan yang baik sepanjang program lawatan dijalankan. Semoga jalinan kerjasama ini akan berterusan pada masa akan datang.

Lawatan ke bilik konservasi artifak.



WORLD TRAVEL MARKET 2014, LONDON

OLEH: AZNIZAN BIN MOHAMAD KAMAL

Kumpulan Kesenian PADAT diberi peluang untuk beraksi di luar negara bagi menyertai World Travel Market 2014 yang telah berlangsung pada 4 hingga 7 November 2014 bertempat di ExCel, London. Pihak PADAT telah bersama Tourism Selangor Sdn. Bhd., Shah Alam Convention Centre dan UPEN telah bergabung bagi memantapkan promosi Tahun Melawat Selangor 2015.

Penyertaan kali ini memperlihatkan Kumpulan Kesenian PADAT mempromosikan pakaian tradisional Melayu negeri Selangor seperti Baju Sikap Almarhum Sultan Abdul Samad, Kebaya Selangor, kelingan, setanjak Selangor dan teknik penghasilan telepuk.

Kumpulan ini telah bertolak pada 31 Oktober 2014 dari KLIA dan tiba di Lapangan Terbang Heathrow pada 1 November 2014. Perjalanan mengambil masa selama 13 jam dan 45 minit dengan suhu di sana mencecah 13 darjah celsius.

Kumpulan Kesenian PADAT telah menginap di Chilworth Court Apartments, Paddington. Tugas dan penempatan *booth* diberi ketika sesi taklimat dan penerangan di sebuah hotel terkemuka oleh pihak Tourism Malaysia.

Sepanjang berada di sana, Kumpulan Kesenian PADAT telah ditugaskan menjaga *booth* selama satu hingga dua jam setiap hari untuk memastikan *booth* negeri Selangor nampak lebih menarik untuk dikunjungi dan kumpulan ini telah berjaya menarik perhatian ramai pengunjung untuk datang dan mendengar penerangan

mengenai tempat pelancongan menarik dan kebudayaan yang terdapat di negeri Selangor. Selain itu, mereka begitu tertarik dengan pakaian yang dipakai oleh Artis Budaya kumpulan ini lebih-lebih lagi pakaian daripada suku kaum Mahmeri.

Penyertaan PADAT kali ini bukan sahaja berjaya mencuri tumpuan pengunjung bahkan menguatkan lagi promosi pelancongan yang diusahakan bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor. Di samping acara demonstrasi, PADAT juga menawarkan cenderamata berupa kain batik dan hiasan kepala kaum Mahmeri bagi pengunjung bertuah.

Artis Budaya Kumpulan Kesenian PADAT juga telah bertindak selaku pembawa skrol pengisytiharaan Tahun Melawat Selangor 2015 bertempat di ExCel, London di mana sidang media telah diadakan. Penglibatan Kumpulan Kesenian PADAT turut berjaya menarik minat pihak Tourism Malaysia menggunakan khidmat Artis Budaya yang terlibat sebagai penyambut tetamu dan membuat persembahan sempena Malam Malaysia anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia di Troxy, London.



Artis Budaya Kumpulan Kesenian PADAT selaku pembawa skrol sempena sidang media pengisytiharan Tahun Melawat Selangor 2015 bertempat di ExCel, London.



Antara barangan promosi negeri Selangor yang dibawa.



MAJLIS JAMUAN TEH DIRAJA BERSAMA PESARA KERAJAAN DAN MAJLIS JAMUAN TEH SEMPENA HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M SULTAN SELANGOR YANG KE-69

OLEH : KALSOM BINTI SAMAD

Majlis Jamuan Teh Diraja bersama dengan Pesara Kerajaan telah berlangsung pada 7 Disember 2014 iaitu pada hari Ahad. Majlis tersebut telah diadakan di Padang Mahkota Istana Alam Shah, Klang dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dan agensi-agensi kerajaan serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang di kelolakan oleh Orang Besar Daerah Petaling. Majlis telah diserikan dengan acara sambutan tradisi oleh artis budaya perempuan seramai lima orang yang membawa tepak sireh sementara lima orang lelaki memegang keris Melayu. Selain itu, terdapat juga persembahan daripada Wind Orchestra dari Sekolah Alam Shah, Putrajaya iaitu seramai 60 orang dan pancaragam Tentera Laut DiRaja Malaysia. Kehadiran para tetamu seramai 2,000 orang terdiri daripada kerabat DiRaja, pesara kerajaan dan ketua jabatan.

Pada 11 Disember 2014 iaitu pada hari khamis telah diadakan satu lagi Majlis Jamuan Teh DiRaja sempena Hari Keputeraan D.Y.M.M Sultan Selangor yang ke-69 di Padang Mahkota Istana Alam Shah, Klang yang dikelolakan oleh Orang Besar Daerah Klang. Kehadiran jempunan seramai 2,000 orang. Majlis telah diraikan dengan sambutan Seni Silat Serantih, pembawa sireh junjung dan bunga emas, pemegang bunga manggar, Kumpulan Pergendangan Pelbagai Kaum (Gendang Selangor, Gendang Sembilan, Gendang Cina, Gendang Bangra). Terdapat juga persembahan tarian daripada Kumpulan Kesenian Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Kombo Gelombang Biru dan pancaragam daripada Tentera Laut Diraja Malaysia. Pada ulangtahun Keputeraan ke-69 D.Y.M.M Sultan Selangor, turut diadakan acara menjamah pulut kuning dan majlis mengadap untuk para tetamu bersalam-salaman bersama D.Y.M.M Sultan Selangor dan majlis berakhir pada jam 5.30 petang.



Acara menjamah pulut kuning.



Persembahan Inang.



PROGRAM TADARUS & MAJLIS KHATAM AL-QURAN

OLEH : MOHAMAD NOR BIN SAPAR

Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ia merupakan panduan yang wajib diikuti oleh seluruh umat Islam.

Atas kesedaran kepentingan membaca al-Quran maka, Biro agama, KRKLMS & PADAT telah mengadakan program tadarus al-Quran sepanjang bulan Ramadhan 1435 Hijrah. Program ini melibatkan sebahagian daripada kakitangan PADAT yang dibahagikan kepada beberapa buah kumpulan. Pembahagian ini meliputi empat kumpulan lelaki dan empat kumpulan perempuan. Mengikut kebiasaan, setiap kumpulan akan membaca mengikut juzuk yang telah dibahagikan pada setiap pagi di Surau Tingkat 3, Muzium Sultan Alam Shah.

Setelah kesemua juzuk habis dibaca, majlis khatam al-Quran telah diadakan. Majlis ini berlangsung pada 18 Julai 2014 bersamaan 20 Ramadhan 1435 Hijrah. Seramai 5 orang staf lelaki telah dipilih untuk memperdengarkan bacaan surah lazim dan disemak oleh pegawai yang diundang khas dari Jabatan Agama Islam Selangor. KRKLMS menyampaikan cenderamata kepada semua kakitangan yang terlibat dalam program tadarus ini. Alhamdulillah, majlis berjalan dengan lancar dan mendapat sokongan penuh daripada pihak pengurusan PADAT. Semoga program ini dapat diteruskan lagi pada Ramadhan akan datang. Insyallah.



Ustaz yang diundang khas dari JAIS.



Peserta seterusnya memperdengarkan bacaan beliau.

MAJLIS BERBUKA PUASA, SOLAT TARAWIKH DAN PROGRAM MENGACAU DODOL

OLEH : MOHAMAD NOR BIN SAPAR

Pada 18 Julai 2014 bersamaan 20 Ramadhan 1435 H, telah diadakan majlis berbuka puasa. Program saban tahun ini telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) PADAT dan semua kakitangan bersama ahli keluarga. Pelbagai juadah berbuka puasa telah dihidangkan. Selain itu, bubur lambuk juga disediakan untuk dibawa pulang oleh semua tetamu yang hadir. Selesai solat Isyak, KPE dan Staf PADAT bersama-sama mengerjakan solat tarawikh yang diimamkan oleh ustaz Munir dari JAIS.

Istimewanya tahun ini, pihak jawatankuasa kelab bersama beberapa orang ahli bertungkus-lumus membuat dan mengacau dua kawah dodol. Proses membuat dan mengacau



Berbuka puasa bersama dapat mengeratkan silaturrahim antara staf PADAT.



Kaum lelaki bergilir-gilir mengambil bahagian mengacau dodol.

dodol bermula dari jam 11.00 malam dan berakhir pada jam 8.00 pagi. Seorang pakar membuat dodol mengajar staf seterusnya mengepalai proses membuat dodol. Selepas siap dimasak, kesemua dodol dibungkus ke dalam bekas kecil untuk diagihkan kepada semua kakitangan PADAT. Alhamdulillah, dodol yang dibuat menepati citarasa semua dan staf yang terlibat gembira dengan pengalaman baru.

Diharapkan, program seperti ini dapat diadakan setiap tahun bagi mengeratkan silaturrahim antara kakitangan PADAT beserta ahli keluarga mereka. Insyallah.



Pemandangan bahagian hadapan bangunan Makam Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah (1957-1898) di Bukit Jugra, Kuala Langat

MAKAM DIRAJA JUGRA, KUALA LANGAT: SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH : MOHD LOTFI BIN NAZAR



Almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah, Sultan Selangor ke 4, 1857 - 1898.

“..... the Sultan’s interest in revenue matters, in the succession to the throne, in the adjustment of the state boundary between Selangor and Sungei Ujong, in the State debts incurred during the civil war, in health matters, in rebuilding his Istana on the move from Bandar Langat to Jugra, in review of court decisions and the grant of pardons, in the issue of authority (kuasa) to Malay heads of local communities, in loans both to Malay settlers and to Chinese miners, in the proceedings of the State Council which were reported to the Sultan for approval, in the grant of pensions and allowances to Malay Rajas (on which the Sultan was usually a restraining influence), in the abolition of debt slavery, in religious affairs such as the building of mosques and the appointment of Imams, in the conduct of members of his family and in agricultural development and the introduction of new crops”.

Pada tahun 1857, Kuala Selangor tidak lagi menjadi ibu kota kerajaan Selangor. Ini kerana Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah (1857-1898) telah membuat kediaman baginda di Langat kerana kawasan tersebut menjadi pegangan baginda sebelum ini. Sepanjang pemerintahan baginda Sultan Abdul Samad, Langat dan kemudiannya Jugra yang turut menjadi kediaman DiRaja. Sebelum tahun 1876, baginda Sultan Abdul Samad pernah membina sebuah istana di Bandar Langat dengan harga \$700 dengan menggunakan sebahagian besar bahan binaannya adalah berasaskan kayu balak. Apabila berpindah ke Jugra, baginda telah membina sebuah istana baru yang lengkap dengan balairung seri yang bercirikan seni bina Melayu dan terkenal dengan sebutan 'Istana Jugra' pada tahun 1876 dengan menggunakan elaun baginda sendiri. Runtuhan ini masih kekal ada di Jugra ketika ini. Bloomfield Douglas dalam diarinya (1876-1882) mencatatkan minat, keperibadian, keprihatinan dan kesungguhan Sultan Abdul Samad ketika itu. Hal ini dapat dilihat daripada pernyataan berikut;



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj beserta dif-dif jemputan sedang membaca tahlil arwah di Kompleks Makam DiRaja Jugra, Kuala Langat pada 6 Jun, 2014.



Peta Selangor pada tahun 1870.

Sewaktu Sultan Abdul Samad memerintah di Jugra, baginda telah mewakafkan kawasan di Bukit Jugra dan sekitarnya sebagai kawasan perkamaman. Kawasan Makam DiRaja Jugra merupakan sebahagian dari Bukit Jugra yang telah dipilih sebagai kawasan perkamaman keluarga DiRaja Selangor semenjak tahun 1880. Kawasan ini juga dikenali sebagai Kompleks Makam DiRaja Jugra dan secara keseluruhannya kawasan perkamaman ini dikawal dan berpagar serta berkeluasan lima ekar. Kawasan Kompleks Makam DiRaja Jugra boleh dikunjungi oleh para pelawat dengan menggunakan jalan darat dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Sebagaimana pusara bagi orang kebanyakan yang sentiasa dikunjungi oleh kaum keluarga, makam DiRaja ini juga sentiasa dikunjungi oleh kaum kerabat DiRaja. Di Kompleks Makam Diraja ini terdapat sebuah bangunan khusus yang menempatkan Makam Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah yang memerintah pada tahun 1857 dan mangkat pada 06 Februari, 1898 (14 Ramadhan 1315 Hijrah) ketika berusia 93 tahun. Baginda mangkat di Istana Jugra, Kuala Langat. Jenazah baginda telah disemadikan di atas Bukit Jugra, Kuala Langat dengan jagaan yang rapi dan sentiasa dipelihara. Almarhum jugra dikenali sebagai 'Marhum Jugra'.

Di luar bangunan makam ini, terdapat beberapa perkuburan yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan Almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah. Antaranya adalah Makam Raja Muda Musa yang mangkat pada tahun 1884, Makam Tengku

Ampuan Maharum dan Makam Raja Kahar. Berhampiran dengan makam-makam ini juga terdapat beberapa pusara kerabat diraja yang lainnya seperti Makam Almarhum Tunku Alfah Ibni Almarhum Sultan Abdul Samad, Makam Almarhum Tunku Jaafar, Makam Raja Berkat dan Makam Tengku Muteh Ibni Sultan Abdul Samad. Dalam erti kata lainnya, kawasan perkamaman di Bukit Jugra ini lebih 80% daripadanya terdiri dari ahli-ahli keluarga Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah, menantu dan saudara kepada Sultan Muhammad (1826-1857), Sultan Selangor ke-3.

Bukit Jugra merupakan kawasan bersejarah yang tersirat pelbagai kisah dan peristiwa masa silam. Ianya amat memerlukan pengkajian yang berterusan. Justeru, tidak hairanlah naskah Sejarah Melayu tulisan Tun Seri Lanang (1614) ada mencatatkan bahawa "... jika orang Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti, di sana adalah rumah orang; dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu rakyat Melaka sembilan belas laka banyaknya yang di dalam negeri juga". Catatan ini jelas menggambarkan bahawa Langat dan Jugra ketika itu merupakan kawasan tumpuan para peneroka dan pedagang serta



Makam Raja Muda Musa, putera Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah yang mangkat pada tahun 1884 di Bukit Jugra.

pengembara di samping komuniti asal yang akhirnya membentuk satu entiti politik menerusi pegangan kuasa-kuasa tertentu. Entiti politik ini seterusnya menjadi sebahagian daripada 'negeri Selangor dan jajahan takluknya' kekal sehingga hari ini.



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sedang menabur bunga rampai di atas makam kerabat diraja di Makam DiRaja Jugra, Kuala Langat pada 6 Jun, 2014.



Almarhum Sultan Abdul Samad bergambar ramai-ramai di hadapan Istana Jugra pada tahun 1878.

PERAHU SEBATANG DI SELANGOR : SUMBANGAN PERAHU SEBATANG/ PERAHU JALUR DALAM INDUSTRI PERTANIAN DI SABAK BERNAM

OLEH : HASLINDA BINTI ISMAIL

Sebuah perahu sebatang/perahu jalur yang dijumpai di Kampung Sungai Haji Muhammad, Hutan Melintang, Perak.

Perahu sebatang/batang atau dikenali sebagai perahu jalur di Selangor dipercayai antara kenderaan di air yang terawal dibina oleh manusia untuk tujuan pengangkutan. Apabila pengetahuan mengenai penggunaan alatan batu atau benda tajam telah berkembang dalam masyarakat dahulu kala, mereka mula membuat kenderaan pengangkutan di air dengan menggunakan sebatang kayu yang dikeruk atau ditebuk.

Perahu seperti ini diperbuat daripada sebatang kayu keras yang dibelah dua dan dipotong mengikut bentuk sebuah perahu. Permukaan pada bahagian tengahnya ditebuk hingga menghasilkan suatu ruang yang luas dari bahagian haluan hingga ke bahagian butiran. Ruang yang dihasilkan boleh memuatkan sehingga empat atau lima orang. Ia digunakan oleh penduduk kampung pesisir sungai sebagai alat pengangkutan untuk membawa penumpang dan membawa barang keperluan harian.

Kajian awal di daerah Sabak Bernam dan Sungai Besar, Selangor dibuat berdasarkan kepada keadaan fizikal dan lokasi di daerah-daerah ini dahulu. Daerah ini terkenal dengan pengangkutan air yang menggunakan Sungai Bernam pada satu ketika dahulu. Kedudukan Sabak Bernam dari Shah Alam yang juga merupakan ibu negeri Selangor adalah 135 km, dengan tempoh perjalanan menaiki kenderaan selama 2 jam 30 minit.

Hasil maklumat yang diperolehi dari penduduk yang telah lama menetap di Kampung Sungai Tiang, Bagan Dato' iaitu Encik Shokif bin Harun, mengatakan bahawa masyarakat sekitar Sabak Bernam dan sempadan Perak adalah saling berkait dan sangat rapat dengan hubungan kekeluargaan. Justeru, di daerah-daerah sempadan di Perak seperti Hutan Melintang, Bagan Dato' dan Selekoh mengenali perahu sebatang dengan nama perahu batang.

Perahu sebatang yang dijumpai di sebatang tali air di kampung yang bersempadanan antara Sabak Bernam dan Hutan Melintang adalah perahu sebatang yang digunakan untuk mengangkut hasil pertanian seperti buah kelapa, pisang, ubi kayu, keledak dan hasil tanaman pertanian yang lain. Berlainan dengan penggunaannya dengan perahu jalur di Kuala Langat dan di tempat-tempat lain, ia lebih popular untuk kegunaan industri pertanian sebagai salah satu kenderaan pengangkutan membawa hasil petani dan pesawah.

Laluan tali air dan sungai digunakan kerana lebih pantas berbanding daratan kerana sistem jalan raya yang masih tidak sempurna pada awal tahun 1930-an hingga 1980-an. Kedudukan tali air yang berada di hadapan laman rumah penduduk kampung memudahkan orang kampung memudik untuk ke kebun dan ke baruh bagi menjemur dan menjual kelapa dan hasil tanaman kepada tauke-tauke Cina yang sedia menanti. Komoditi utama adalah membawa muatan kelapa yang boleh memuatkan sehingga 1000 hingga 1500 biji kelapa dalam satu perjalanan. Anggaran panjang perahu batang yang dijumpai adalah lebih kurang 980 cm dan lebar 80 cm.

Penggunaan perahu jalur/perahu sebatang di daerah ini lebih menyumbang kepada sektor pertanian. Pengendalian perahu ini semasa pengangkutan komoditi pertanian memerlukan tenaga dan kepakaran dua orang lelaki dewasa untuk mengawal dan memudik

Perahu Jalur/Sebatang di Sawah Padi

Selain penggunaan perahu ini sebagai kenderaan pengangkutan membawa komoditi pertanian seperti kelapa, ubi-ubian, pisang dan hasil tanaman, perahu sebatang juga digunakan di sawah padi untuk membawa benih anak padi semasa musim menyemai benih padi. Bagaimanapun saiz dan panjang perahu sebatang yang dinaiki tidak sebesar seperti yang digunakan di sungai dan tali air.

Saiz perahu yang digunakan lebih kecil dan pendek sesuai digunakan di petak sawah membawa anak benih padi. Perahu sebatang tersebut mudah ditarik dan hanya ditambat di pinggang pesawah mengikut perjalanan semaian yang dilakukan oleh pesawah. Benih anak padi diletakkan di dalam perahu dalam jumlah yang banyak untuk memudahkan ia diangkut dari satu petak ke petak yang lain. Mengikut penerangan orang lama atau anak kampung asal yang lahir dan membesar di Sabak Bernam, Encik Mohd Komari b. Mozio menerangkan perahu sebatang yang digunakan tidaklah sebesar dan sepanjang perahu sebatang di tali air. Seingat beliau panjang perahu tersebut hanya lebih kurang sedepa tangan orang dewasa atau lebih pendek lagi. Mengikut kiraan kaki persegi, saiz perahu adalah tidak lebih antara 5 x 2 kaki persegi untuk mudah ia ditarik dan dibawa diangkut ke mana sahaja.

Berdasarkan kepada jumpaan perahu sebatang/jalur di daerah-daerah di Selangor dan maklumat baru diperolehi menunjukkan negeri Selangor menggunakan pengangkutan air di sungai-sungai sama seperti yang terdapat di Johor, Kedah, Terengganu, Pahang dan Melaka. Jika di Johor kawasan-kawasan di Kota Tinggi, Muar dan Pontian, penggunaan perahu jalur atau dikenali juga sebagai perahu kolek lebih kepada pengangkutan perdagangan, mengail dan perahu penambang kepada masyarakat di sana.

Pengamatan terhadap perahu jalur ini dapat dilihat juga dari segi saiz dan teknologi pembuatannya. Selain ditarik dari sebatang pokok, ia juga dapat ditinjau dari aspek penggunaan sumber alam sebagai penyokong. Adalah disebabkan fizikal dan bentuknya yang amat kecil dengan ketinggian yang amat rendah, hanya membataskan penggunaannya di tali air dan sungai-sungai kecil di kampung-kampung pedalaman sahaja.



Ilustrasi cara-cara perahu jalur/perahu sebatang ini dikendalikan oleh pesawah untuk membawa anak pokok padi untuk disemai.



Ilustrasi cara-cara perahu jalur/perahu sebatang ini dikendalikan untuk membawa komoditi pertanian.

perahu tersebut dari darat ke baruh (dari kawasan lebih tinggi hingga ke kawasan atau tanah yang lebih rendah letaknya seperti berdekatan pantai).

Uniknya disini, di tempat lain seperti Johor, Pahang dan Kedah perahu jalur/perahu sebatangnya menggunakan pendayung yang agak sama dengan perahu nelayan tradisi yang lain. Bagaimanapun perahu jalur/perahu sebatang di daerah ini menggunakan batang galah yang panjang atau kayu panjang untuk memudahkan pergerakan semasa memudik ke baruh. Dua batang galah atau kayu panjang diperlukan dengan anggaran panjang galah atau batang kayu dari 6 kaki hingga 9 kaki panjang mengikut kepanjangan galah buluh yang diperolehi.

Kawalan terhadap kelajuan perahu akan diketuai oleh seorang sahaja yang akan berada di dalam perahu manakala seorang pembantu pula akan berada di daratan bagi memastikan perahu terus berada di laluan dan tidak melanggar mana-mana tebing tali air. Kedua pendayung memerlukan kekuatan fizikal dan mental untuk bertindak pantas bagi mengawal perahu yang sarat dengan hasil pertanian agar tidak terbalik atau kemalangan yang membawa kepada pelanggaran tebing sungai dan perahu-perahu yang lain.

Melihat dari perspektif persekitaran kawasan di kampung-kampung dalam daerah ini yang mempunyai saluran tali air di hadapan laman rumah memberi makna pengangkutan air ini begitu popular digunakan suatu ketika dahulu. Malahan Kampung Sungai Air Tawar dahulu sangat terkenal sebagai tempat atau bengkel terbesar pembuatan dan penghasilan perahu jalur dari awal tahun 1930-an hingga awal 1980-an. Tukang yang membuat perahu jalur yang terkenal pada masa tersebut merupakan datuk kepada Encik Abdullah b. Kassim (respondan) yang dikenali sebagai Husin.

Adalah dipercayai penggunaan perahu sebatang mengalami zaman penghujung pada lewat tahun 1980-an. Pada masa tersebut kerajaan sudah mula menjalankan projek pembangunan untuk rakyat dengan membina dan menaik taraf jalan-jalan kampung. Selain itu, industri kelapa telah mula digantikan dengan tanaman kelapa sawit dan banyak jentera-jentera pengangkut hasil tanaman diperkenalkan.

BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN 2015

OLEH : ROSIAH BINTI MOHD TAP

Pada 15 hingga 16 Disember 2014, bertempat di Pullman Lakeview Putrajaya telah diadakan satu Bengkel Sasaran Kerja Tahun (SKT) bagi tahun 2015 Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan PADAT. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengkaji prestasi dan pencapaian SKT jabatan dan bahagian sepanjang tahun 2014 dan seterusnya merangka perancangan SKT bagi tahun 2015. Bengkel selama dua hari ini disertai 30 orang pegawai dan staf PADAT yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Puan Hajah Azlinda bt. Azman, ketua bahagian, ketua unit dan staf gred 22 hingga 44.

Dalam bengkel tersebut semua ketua bahagian dan unit telah membentangkan laporan pencapaian SKT 2014 masing-masing dan penetapan SKT 2015. Pada keseluruhannya, bengkel ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Pada hari terakhir bengkel tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, telah menegaskan perlunya semua pegawai yang terlibat memberi fokus dan komitmen dalam memastikan semua program, aktiviti dan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar serta menepati kehendak kerajaan negeri.



Staf sedang mendengar sesi taklimat.



Penolong Kurator En. Azrizal sedang membentangkan SKT Bahagian Permuziuman.



Acara menjamah sirih oleh YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi.

SMART KHALIFAH

OLEH : COMEIL PUTERI BINTI IBRAHIM



Pada 1 hingga 10 Disember 2014 jam 8.00 hingga 5.00 petang bertempat di Muzium Sultan Alam Shah, telah berlangsungnya program Smart Khalifah anjuran bersama Biro Agama KRKLMS dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor selama lapan hari. Ia merupakan program yang julung kalinya diadakan untuk mengisi masa lapang ketika cuti sekolah dengan penyertaan seramai 24 orang dikalangan anak-anak ahli kelab KRKLMS dan peserta luar berumur 4 hingga 13 tahun. Pengisian modul yang dirangka khas ini dibentuk untuk mentarbiah anak-anak dalam pendidikan sahsiah, akhlak dan pementapan akidah. Peserta turut mempelajari ilmu agama dan bersosial bersama kawan-kawan di dalam satu kelompok terkawal yang berunsurkan Islam.



Aktiviti Riadah

Dalam menghadapi pelbagai cabaran terutamanya ibu bapa yang bekerja adalah sangat besar tanggungjawab dan amanah yang dipikul dalam mendidik anak-anak yang sedang meningkat dewasa. Peranan ibu-bapa dalam mendidik anak-anak sebagai khalifah muka bumi tidak harus diambil mudah. Sehubungan itu, modul khas ini diharapkan dapat mengisi masa anak-anak di dalam kelompok yang terkawal disamping memberi dan menyediakan mereka dengan kekuatan untuk menempuhi alam dewasa nanti. Tidak mungkin Allah S.W.T yang Maha Bijaksana menjadikan makhluk-makhlukNya, terutama sekali makhluk manusia untuk disia-siakan begitu sahaja. Di antara tugas dan peranan utama kita ialah sebagai khalifah di atas muka bumi.

Ini telah ditegaskan oleh Allah S.W.T melalui firmanNya di dalam surah al-An'am ayat 165 yang bermaksud:

"Dan Dialah (Allah) yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan ia mengangkat darjat-darjat sebahagian kamu ke atas sebahagian yang lain, untuk menguji kamu tentang apa yang telah dia berikan kepada kamu, sesungguhnya Tuhanmu itu amat cepat seksaanNya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Sepanjang program berlangsung, mereka didedahkan dengan ilmu fardhu ain, diajar kaedah dan teknik menghafal surah-surah terpilih yang sering dibaca pada setiap waktu sembahyang, praktikal solat dan solat berjemaah dengan zikir, doa dan asma'ul husna, bahasa Arab dan sirah nabi dengan bimbingan dari fasilitator dikalangan qariah, ustaz dan ustazah berpengalaman dari sekolah rendah agama JAIS. Dalam aktiviti fizikal dan menguji minda, peserta turut mengikuti aktiviti luar seperti riadah mengelilingi tasik, aktiviti dalaman seperti bersenam, eksplorasi muzium, kuiz, latihan dalam kumpulan, aktiviti Adat dan Waris, tayangan video, mencari harta karun dan melawat ke galeri serta pameran dinosaur. Sebagai kemuncak program, diadakan majlis penutup di mana para peserta mendengarkan bacaan selawat ke atas nabi, asmaul husna dan nyanyian nasyid. Turut diselitkan ceramah agama bertajuk 'Kelebihan Membaca Al-Quran' oleh fasilitator Puan Hajah Saniah yang merupakan bekas qariah negeri Selangor serta tayangan video dan foto sepanjang program berlangsung. Puan Hajah Azlinda selaku Ketua Pegawai Eksekutif telah sudi menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.

Dengan adanya program seperti ini diharapkan akan memberi impak yang baik dalam mendidik anak-anak menyeimbangkan rohani dan jasmani dalam pembentukan akhlak Rasulullah S.A.W.



Peserta melihat tayangan foto dan video program



Oleh: **bonZRIZAL**

MUZIUM DAERAH SABAK BERNAM



Muzium-muzium kecil dan bertema juga telah dibina di beberapa buah daerah seperti di Sabak Bernam..



Di daerah itu, muziumnya bertemakan sejarah tentang pertanian dan perikanan di Selangor..

Selain itu.. terdapat juga pameran di Rumah Warisan..



Kawan-kawan boleh tahu sejarah dan warisan penduduk tempatan disini seperti lokasi penempatan awal, asal usul nama, tokoh-tokoh, masjid-masjid dan sekolah-sekolah lama serta koleksi jupuan arkeologi di Lembah Bernam..

Seronok kan?.. Jom kita pergi ke sana..



Muzium Daerah Sabak Bernam dan Rumah Warisan telah dibuka secara rasmi pada 30 Jun 2006..

BERSAMBUNG..



Cuba adik-adik cari

alat-alat senjata tradisional
dibawah ini :



E	R	T	P	E	D	A	N	G	J	K	L	L
O	P	A	S	W	A	D	F	R	E	E	A	K
A	W	G	N	I	B	M	E	L	E	S	A	E
C	Z	V	B	K	M	L	K	O	P	M	I	R
J	K	G	H	I	G	M	G	N	A	R	Y	A
I	G	J	L	D	F	G	R	I	S	B	N	M
X	N	A	S	A	E	K	R	N	M	S	A	B
M	A	G	N	B	F	E	E	H	K	L	O	I
U	R	K	A	B	M	O	T	R	G	N	G	T
H	A	L	N	G	M	G	N	K	I	E	U	I
K	P	O	P	A	N	M	G	N	M	S	S	E
T	G	H	K	L	A	D	F	R	G	H	T	N
M	H	J	K	L	T	I	P	M	U	S	E	R



Layari www.adatwaris.padat.gov.my untuk maklumat lanjut.

MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2014

OLEH : ROSSI BIN MOKSIN

Kedatangan Hari Raya Aidilfitri tahun 2014 / 1435H disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan di kalangan kakitangan PADAT, ditambah pula dengan penganjuran Majlis Sambutan Rumah Terbuka PADAT yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi Lembaga Muzium Selangor bersama dengan Bahagian Khidmat Pengurusan yang diadakan pada 14 Ogos 2014.

Majlis rumah terbuka yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara kakitangan PADAT dan para tetamu jemputan. Selain itu, Majlis Rumah Terbuka ini juga bagi mengembalikan semula kenangan kunjung mengunjungi dan maaf-bermaafan yang telah menjadi adat melayu zaman-berzaman. Selain kakitangan PADAT majlis diserikan dengan kehadiran Pengerusi PADAT YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi dan tetamu jemputan daripada jabatan-jabatan lain.

Dengan tema "Arabian" yang dipilih bagi hiasan dewan dan pakaian kakitangan PADAT telah menampilkan kelainan kepada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014. Pada majlis tersebut Kelab Kebajikan dan Rekreasi Lembaga Muzium Selangor dengan berbesar hati telah menyumbangkan duit raya untuk semua ahli kelab sebagai tanda terima kasih kepada semua ahli kelab selain menyampaikan hadiah hari kelahiran kepada semua ahli kelab yang juga kakitangan PADAT. Diharapkan dengan adanya Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri ini dapat merapatkan ukhwah persaudaraan antara kakitangan PADAT.



Kakitangan PADAT memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014 dengan penuh kegembiraan.



Kakitangan PADAT bergaya dengan pakaian Arabian sebagai gimik majlis Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014.

HARI KELUARGA PADAT

OLEH : EN. MOHAMAD NOR BIN SAPAR



Gambar kenang-kenangan bersama ahli keluarga PADAT.

Kelab Kebajikan dan Rekreasi Lembaga Muzium Selangor (KRKLMS) & PADAT Selangor telah mengadakan program hari keluarga yang disertai seramai 350 ahli kelab di Gold Coast Resort, Pantai Morib, Selangor. Turut bersama memeriahkan program ialah dua orang Ahli Lembaga PADAT, Y.M. Tengku Jamaludin (Orang Besar Daerah Sepang), Puan Ruslinah (Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor) dan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Puan Hajah Azlinda Azman bersama keluarga.

Aktiviti yang bermula 8 hingga 9 November 2015 ini telah menyediakan pelbagai acara iaitu seminar kekeluargaan, sukaneka,

aktiviti air, makan malam, karaoke, cabutan bertuah dan aktiviti bebas bersama ahli keluarga masing-masing. Secara keseluruhan, aktiviti ini mencapai matlamat yang disasarkan iaitu mengeratkan hubungan dan meningkatkan motivasi kakitangan PADAT.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua jawatankuasa yang bertungkus-lumus memastikan aktiviti ini berjalan dengan baik sekali. Tidak dilupakan pihak pengurusan kerana menyokong setiap aktiviti yang dijalankan oleh pihak kelab. Salam muhibbah dari ahli jawatankuasa Kelab Kebajikan dan Rekreasi PADAT.